

Bahagian Kewangan johan Konvensyen 5S UMSKAL

UM 29.6.13 26

LABUAN 18 Jun - Kumpulan Bahagian Kewangan menjuarai Konvensyen Amalan Persekitaran Berkualiti 5S (Sisih, Susun, Sapu, Seragam, Sentiasa Amal) peringkat Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) 2013 di sini-baru-baru ini.

Dengan kemenangan itu, kumpulan berkenaan membawa pulang hadiah RM500 dan piala pusingan, selain akan mewakili universiti itu ke Konvensyen 5S peringkat Wilayah Sabah, Sarawak dan Labuan di Kota Kinabalu pada bulan depan.

Tempat kedua menjadi milik Olga Squad Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) yang meraih RM300 dan ketiga, kumpulan Sukom (Bahagian Sukan dan Kokurikulum) yang memenangi RM200.

Majlis berkenaan dirasmikan Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Ismail Ali manakala penyampaian hadiah disempurnakan Dekan SSIL,

Dr. Awang Asri Awang Ibrahim.

Konvensyen yang julung kalinya diadakan itu diadili Pegawai Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Sabah, Edward Binty.

Dalam ucapannya, Ismail berharap semua warga UMSKAL sentiasa mengamalkan 5S untuk meningkatkan produktiviti, prestasi kakitangan, suasana tempat kerja yang selesa, seterusnya menjamin keselamatan pelanggan.

"Amalan 5S mampu mewujudkan suasana kerja yang selesa kepada kakitangan dan warga UMS serta pelanggan," katanya.

KUMPULAN Bahagian Kewangan yang menjadi johan dan Olga Squad Sekolah Sains Informatik Labuan (naib johan) serta kumpulan Sukom (tempat ketiga) bergambar kenangan dalam majlis Konvensyen Amalan Persekitaran Berkualiti 5S peringkat UMSKAL di Labuan, baru-baru ini.

